



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERSAKTI



Garis Panduan Permohonan  
**2022**  
**GERAN PUTRA**

**Pindaan 1 Ogos 2022**



Pusat Pengurusan Penyelidikan  
Aras 5, Pejabat TNCPI UPM



03-9769 1287/1606/1253



[bgp.rmc@upm.edu.my](mailto:bgp.rmc@upm.edu.my)

## **1.0 GERAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Garis panduan ini disediakan bagi menjelaskan proses permohonan dan merangkumi syarat-syarat kepada pemohon untuk memperolehi pembiayaan dana penyelidikan daripada peruntukan Geran Universiti Putra Malaysia.

Pembiayaan geran ini merupakan satu inisiatif dari pihak Pengurusan Universiti untuk memenuhi keperluan *Key Performance Index (KPI)* Universiti Penyelidikan iaitu:

- i. untuk menghasilkan penerbitan di dalam jurnal berwacana dan yang berimpak tinggi;
- ii. untuk menerbitkan buku atau bab dalam buku;
- iii. untuk menghasilkan paten dan produk/teknologi yang boleh dikomersilkan;
- iv. merapatkan jurang antara penemuan penyelidikan dan pengkomersilan;
- v. untuk meningkatkan bilangan pelajar siswazah yang bergraduat, dan
- vi. untuk meningkatkan bilangan penyelidik utama (*principal investigator*)

## **2.0 KLUSTER PENYELIDIKAN**

Skop penyelidikan adalah merangkumi penyelidikan fundamental dan gunaan dalam bidang mengikut kluster berikut:

- i. Pertanian dan Makanan (*Agriculture and Food*)
- ii. Sains Gunaan dan Kejuruteraan (*Applied Sciences and Engineering*)
- iii. Biosistem dan Bioteknologi (*Biosystems and Biotechnology*)
- iv. Perniagaan, Ekonomi dan Governans (*Business, Economics and Governance*)
- v. Alam Sekitar dan Tenaga (*Environment and Energy*)
- vi. Perhutanan dan Biodiversiti (*Forestry and Biodiversity*)
- vii. Kemanusiaan dan Pembangunan Nusa Bangsa (*Humanities and Nation Building*)
- viii. Sains dan Pengurusan Halal (*Halal Science and Management*)
- ix. Kesihatan dan Kesejahteraan Hidup (*Health and Well-being*)
- x. Sains Matematik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Mathematical Sciences, Information and Communication Technology*)
- xi. Sains dan Teknologi Bahan (*Materials Science and Technology*)

### 3.0 KELAYAKAN PEMOHON

Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik UPM sepenuh masa sama ada kakitangan tetap ataupun kontrak (termasuk felo dan pegawai penyelidik) yang berkelayakan.

- i. Bagi penyelidik bukan warganegara, hendaklah mempunyai penyelidik bersama dikalangan pegawai akademik warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
- ii. Penyelidik berkontrak kurang daripada 1 tahun perlu mempunyai penyelidik bersama dikalangan pegawai akademik warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
- iii. Kakitangan kontrak perlu mengemukakan “contractual document” sebagai bukti status perkhidmatannya. Kakitangan sambilan dan kakitangan akademik yang sedang bercuti belajar tidak layak untuk memohon geran ini.
- iv. Pemohon yang mempunyai projek Geran Putra dalam pelaksanaan (**projek aktif**) tidak layak memohon geran baharu. Walau bagaimanapun jika projek telah selesai namun masih belum mendapat surat tamat RMC, boleh kemukakan salinan LAP sebagai dokumen sokongan.
- v. **Bebas / tidak dikenakan tindakan sekatan** untuk memohon Geran Putra baharu dan **telah mematuhi semua keperluan laporan dan juga output bagi projek Geran Putra yang telah tamat atau yang sedang dilaksanakan.**
- vi. Mengemukakan **hanya 1 permohonan sahaja pada satu-satu masa / kitaran permohonan.**

### 4.0 JENIS GERAN

#### 4.1 GERAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Geran Universiti Putra Malaysia adalah satu inisiatif pembiayaan aktiviti penyelidikan universiti untuk menyokong program penyelidikan UPM. Terbahagi kepada 5 jenis iaitu;

- **Geran Inisiatif Putra Berkumpulan (GP-IPB)**
- **Geran Inisiatif Putra Muda (GP-IPM)**
- **Geran Inisiatif Putra Siswazah (GP-IPS)**
- **Geran Putra Berimpak**
- **Geran Inisiatif Putra**
- **Geran Penyelidikan Pembangunan Inovasi**

## A. Geran Inisiatif Putra Berkumpulan (GP-IPB)

- i. Permohonan awal dibuat melalui **kertas konsep** mengikut format yang disediakan oleh RMC, hanya **kertas konsep yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk mengemukakan kertas cadangan penuh.**

- (i) Ketua Program dan semua Ketua Projek perlulah mempunyai jumlah penerbitan terkumpul dalam tempoh 3 tahun kebelakang (berkaitan program yang dicadangkan) daripada setiap ahli kumpulan seperimana berikut;



Kategori	Kelayakan Penerbitan		Tempoh
Professor / Felo Penyelidik yang setara	S&T  12 (sekurang-kurangnya 6 <b>penerbitan dalam Q1/Q2</b> sebagai <i>corresponding author</i> )	SS  12 (sekurang-kurangnya 6 <b>penerbitan dalam JCR</b> sebagai <i>corresponding author</i> )	3 tahun
Professor Madya / Felo Penyelidik yang setara	9 (sekurang-kurangnya 5 <b>penerbitan dalam Q1/Q2</b> sebagai <i>corresponding author</i> )	9 (sekurang-kurangnya 5 <b>penerbitan dalam JCR</b> sebagai <i>corresponding author</i> )	
Pensyarah / Pegawai Penyelidik	6 (sekurang-kurangnya 3 <b>penerbitan dalam Q1/Q2</b> sebagai <i>corresponding author</i> )	6 (sekurang-kurangnya 3 <b>penerbitan dalam JCR</b> sebagai <i>corresponding author</i> )	

- ii. Siling peruntukan adalah tidak melebihi **RM600,000.00**
- iii. Tempoh projek adalah **2 hingga 3 tahun.**
- iv. Terdiri daripada gabungan **sekurang-kurangnya 3 projek multi-disiplinari.**
- v. Bagi meningkatkan impak penyelidikan dari segi sitasi penerbitan dan keterlihatan UPM setiap permohonan Geran Putra Inisiatif Putra Berkumpulan (GP-IPB) mestilah;
- mempunyai sekurang-kurangnya seorang **ahli penyelidik daripada institusi Top 100 University QS World Ranking pada tahun semasa**; ATAU
  - mempunyai sekurang-kurangnya seorang **ahli penyelidik daripada institusi Top 100 QS World Ranking mengikut subject area pada tahun semasa**; ATAU
  - mempunyai sekurang-kurangnya seorang **ahli penyelidik luar negara dengan H-indeks yang boleh dianggap sebagai penyelidik terbilang (prominent)** dalam bidang yang dimohon seperti berikut;

Bidang	H-indeks minimum
Sains dan Teknologi	20
Sains Sosial	15

vi. Setiap program perlu menerbitkan sekurang-kurangnya;



Bidang	Penerbitan	Pelajar Siswazah
Sains dan Teknologi	6 penerbitan dalam Q1/Q2 (JCR/JIF)	Menyelia sekurang-kurangnya satu (1) pelajar Ph.D atau dua (2) sarjana bagi setiap projek
Sains Sosial	3 penerbitan dalam Q1/Q2 (JCR/JIF)	

Nota:

- Ouput Penerbitan adalah merujuk Quartile seperitimana tersenarai dalam InCites: Journal Citation Report.
- Pengambilan pelajar siswazah ini adalah tertakluk kepada syarat Sekolah Pengajian Siswazah, UPM.

## B. Geran Inisiatif Putra Muda (GP-IPM)

- Terbuka kepada Pegawai Penyelidik/Pensyarah yang mempunyai tempoh perkhidmatan kurang daripada 5 tahun. Penyelidik perlu mempunyai mentor di kalangan Professor atau Professor Madya. Bagi Pensyarah Perubatan (Tetap), tempoh 5 tahun adalah dikira daripada tarikh tamat pengajian PhD/sub-kepakaran. Tutor tidak layak memohon sehingga mendapat pengesahan jawatan sebagai pensyarah.
- Tidak boleh membuat pertukaran ketua projek sekiranya Ketua Projek asal tidak dapat / hilang kelayakan utk mengetuai projek sama ada atas sebab berhenti, cuti sabatikal, cuti sub-kepakaran, cuti tanpa gaji dan cuti sakit (semua jenis cuti berkenaan adalah lebih 6 bulan).

iii. Telah mempunyai sekurang-kurangnya **2 penerbitan dalam JCR/JIF**.

- Layak sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan (pensyarah sahaja). Pegawai penyelidik yang pernah menerima GP-IPM atau perkhidmatan lebih 5 tahun layak memohon semula dengan syarat telah berjaya menghasilkan output penerbitan dalam projek terdahulu.

- Siling peruntukan bagi Inisiatif Putra Muda adalah;

Bidang	Siling peruntukan
Sains dan Teknologi	tidak melebihi RM60,000.00
Sains Sosial	tidak melebihi RM40,000.00

- Tempoh projek maksima 2 tahun.

- Projek mesti menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti.

- viii. Setiap projek yang telah diluluskan hendaklah menghasilkan penerbitan pada kadar minima seperti berikut:



Bidang	Penerbitan	Pelajar Siswazah
Sains dan Teknologi	<b>2 penerbitan dalam Q1-Q4 (JCR/JIF)</b>	Tidak berkaitan
Sains Sosial	<b>1 penerbitan dalam jurnal Scopus/JCR/JIF</b>	

Nota:

- Ouput penerbitan adalah merujuk Quartile sepetimana tersenarai dalam *InCites: Journal Citation Report* sahaja.

### C. Geran Inisiatif Putra Siswazah (GP-IPS)

- Terbuka kepada Pelajar Pasca Siswazah yang mengikuti pengajian sepenuh masa di UPM di bawah program pengajian dengan tesis sepetimana berikut;
  - Master (MSc/Master Art): semester 1 hingga 3;**
  - PhD: semester 1 hingga 5;**
  - Master (Med) PhD (Med): semester 1 hingga 5.**

\*Pelajar mestilah memohon melalui Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan.

- Permohonan bagi pelajar semester 3 (MSc) atau semester 3 hingga 5 (PhD), permohonan perlulah disertakan dengan *track record* bagi menunjukkan pencapaian / merit pelajar berkenaan.
- Permohonan Inisiatif Putra Siswazah (IPS) dihadkan kepada **1 projek sahaja bagi setiap penyelia**. Walau bagaimanapun, sekiranya penyelia mempunyai lebih daripada 1 pelajar siswazah yang perlu dibiayai penyelidikannya melalui IPS, penyelia dinasihatkan untuk menghantar permohonan yang merangkumi semua keperluan pelajar-pelajar berkenaan dalam 1 permohonan IPS sahaja.
- Sekiranya penyelia telah memenuhi kuota 1 pelajar/penyelia, boleh dipertimbangkan untuk permohonan baharu sekiranya pelajar sedia ada telah bergraduat (atau sekurang-kurangnya telah menghantar tesis).

\*perubahan perkara C (iv) ini juga terpakai kepada semua projek GP-IPS yang diluluskan sebelum tahun 2021.

- Projek mesti menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti.
- Siling peruntukan untuk sepanjang tempoh pengajian pelajar Master/Ph.D adalah;

Bidang	Siling peruntukan
<b>Sains dan Teknologi</b>	tidak kurang RM20,000 hingga RM25,000
<b>Sains Sosial</b>	tidak kurang RM5,000 hingga RM25,000

- vii. Geran akan ditarik balik sekiranya pelajar bertukar projek (kecuali pertukaran program Master ke Ph.D), mendapat status percubaan atau gagal atau diberhentikan, menarikdiri dari pengajian atau disabitkan kesalahan tata tertib.
- viii. Pengerusi JK Penyeliaan atau Penasihat perlu memaklumkan kepada pihak Pengurusan Penyelidikan Universiti terhadap sebarang pertukaran status pelajar, pertukaran Pengerusi JK Penyeliaan atau Penasihat dan/atau tajuk penyelidikan yang dijalankan.
- ix. Setiap projek yang telah diluluskan hendaklah mengikut syarat tahap pencapaian yang ditetapkan oleh Sekolah Pengajian Siswazah semasa geran diluluskan, UPM seperti berikut;

KEMASKINI		Peringkat Pengajian	Output
		PhD	<b>1 penerbitan JCR/JIF (accepted/published)</b>
		MSc	<b>1 penerbitan Scopus (accepted/published)</b>

#### D. Geran Putra Berimpak

- i. Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik UPM sepenuh masa sama ada kakitangan tetap ataupun kontrak (termasuk felo dan pegawai penyelidik) yang mempunyai kelayakan akademik peringkat PhD atau kelayakan tertinggi professional (Ir., Ar, FRCP, Sr, C.Eng., ACCA, ICAS, ICAEW,ICAI, NZICA, CICA, CIMA, MMed etc) .
- ii. Pemohon mestilah mempunyai;

Kategori	Kelayakan Penerbitan	Tempoh
Professor / Felo Penyelidik yang setara	S&T  12 (sekurang-kurangnya 6 penerbitan dalam Q1/Q2 sebagai <i>corresponding author</i> )	SS  12 (sekurang-kurangnya 6 penerbitan dalam JCR sebagai <i>corresponding author</i> )  3 tahun
Professor Madya / Felo Penyelidik yang setara	9 (sekurang-kurangnya 5 penerbitan dalam Q1/Q2 sebagai <i>corresponding author</i> )	9 (sekurang-kurangnya 5 penerbitan dalam JCR sebagai <i>corresponding author</i> )
Pensyarah / Pegawai Penyelidik	6 (sekurang-kurangnya 3 penerbitan dalam Q1/Q2 sebagai <i>corresponding author</i> )	6 (sekurang-kurangnya 3 penerbitan dalam JCR sebagai <i>corresponding author</i> )

- iii. Projek yang dimohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya 2 penyelidik bersama (maksimum 3 orang penyelidik bersama sahaja).
- iv. Bagi meningkatkan impak penyelidikan dari segi sitasi penerbitan dan keterlihatan UPM setiap permohonan Geran Putra Berimpak (GPB) mestilah;

- a. mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli penyelidik daripada institusi Top 100 University QS World Ranking pada tahun semasa; ATAU
- b. mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli penyelidik daripada institusi Top 100 QS World Ranking mengikut subject area pada tahun semasa; ATAU
- c. mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli penyelidik luar negara dengan H-indeks yang boleh dianggap sebagai penyelidik terbilang (prominent) dalam bidang yang dimohon seperti berikut;

Bidang	H-indeks minimum
Sains dan Teknologi	20
Sains Sosial	15

- v. Siling peruntukan adalah **tidak melebihi RM150,000.00**
- vi. Tempoh projek **maksima 2 tahun**.
- vii. Setiap projek yang diluluskan mesti menerbitkan;

KEMASKINI	Penerbitan	Pelajar Siswazah
	sekurang-kurangnya <b>2 penerbitan dalam Q1 / Q2 (JCR/JIF)</b>	Menyelia satu (1) pelajar Ph.D atau satu (1) pelajar sarjana

Nota:

- Oput Penerbitan adalah merujuk Quartile sepetimana tersenarai dalam InCites: Journal Citation Report.
- Pengambilan pelajar siswazah ini adalah tertakluk kepada syarat Sekolah Pengajian Siswazah, UPM.

#### E. Geran Inisiatif Putra \* Inisiatif ini dibekukan mulai 16 Mei 2018 sehingga dimaklumkan kemudian

- (i) Terbuka kepada semua Pegawai Akademik, Pegawai Penyelidik dan Felo Penyelidik. Tutor tidak layak memohon sehingga mendapat pengesahan jawatan sebagai pensyarah.
- (ii) Pemohon mestilah mempunyai;

Kategori	Kelayakan Penerbitan	Tempoh
<b>Professor / Felo Penyelidik yang setara</b>	<b>4</b> penerbitan dalam CIJ sebagai <i>corresponding author</i>	
<b>Professor Madya / Felo Penyelidik yang setara</b>	<b>3</b> penerbitan dalam CIJ sebagai <i>corresponding author</i>	
<b>Pensyarah / Pegawai Penyelidik</b>	<b>2</b> penerbitan dalam CIJ sebagai <i>corresponding author</i>	3 tahun

- (iii) Permohonan daripada kalangan Pegawai Penyelidik perlu mempunyai penyelidik bersama daripada kalangan Pegawai Akademik atau Felo Penyelidik.

- (iv) Bagi pemohon yang telah mempunyai Geran Putra, kemajuan projek dan kewangan projek-projek sedia ada mestilah telah mencapai 75% (kumulatif).
- (v) Siling peruntukan adalah seperti berikut;
  - a. bagi bidang Sains dan Teknologi: **tidak kurang RM20,000 hingga RM50,000**
  - b. bagi bidang Sains Sosial: **tidak kurang RM5,000 hingga RM50,000**
- (vi) Tempoh projek maksima 2 tahun.
- (vii) Projek mesti menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti dan memberi impak kepada sosio-ekonomi.
- (viii) Setiap projek yang telah diluluskan hendaklah menghasilkan penerbitan pada kadar minima seperti berikut:
  - c. bagi bidang Sains dan Teknologi - **1 penerbitan dalam Quartile 1 hingga 4**
  - d. bagi bidang Sains Sosial - **1 penerbitan dalam jurnal CIJ**

Nota:

- *Ouput Penerbitan* adalah merujuk *Quartile* sepetimana tersenarai dalam *InCites: Journal Citation Report*.

## F. Geran Penyelidikan Pembangunan Inovasi

- i. Dana ini diberikan kepada para penyelidik untuk membangunkan prototaip dan memajukan hasil penyelidikan ke arah pra pengkomersilan supaya ia dapat bergerak dengan lebih dinamik, bagi menarik rakan kongsi dan/atau pelabur. Tujuan dana ini diwujudkan adalah untuk menampung jurang pembiayaan untuk membawa hasil penyelidikan dari tahap proof-of-concept (PoC) ke pasaran dengan prototaip sedia pasaran. Ia berfungsi untuk memberi bantuan kepada projek berdasarkan teknologi untuk membuka peluang kolaborasi bersama syarikat sedia ada atau penubuhan syarikat *start up* universiti.
- ii. Projek boleh berbentuk;
  - a. *Up-scaling*;
  - b. Validasi Pasaran untuk inovasi Sains Sosial sahaja;
  - c. Pensijilan untuk memenuhi piawaian industri;
  - d. *Design Customization* untuk tujuan daya tarikan pasaran;
  - e. Projek pembangunan inovasi lain yang difikirkan layak oleh panel penilai.
- iii. Mempunyai rakan industri yang mempunyai kapasiti dan kesesuaian untuk membawa teknologi tersebut ke pasaran.

- iv. Siling peruntukan bagi Geran Penyelidikan Pembangunan Inovasi adalah tidak melebihi RM500,000.00.
  - a. Peruntukan di bawah vote V21000 hanya dibenarkan untuk lawatan teknikal sahaja dan tidak boleh digunakan untuk menghadiri Seminar/konferensi dalam dan luar negara.
- v. Tempoh projek maksima 2 tahun.
- vi. Syarat kelayakan permohonan;
  - a. Penyelidik mestilah telah mempunyai perlindungan harta intelek bagi inovasi berkenaan.
  - b. Telah mempunyai rakan industri yang berhasrat mengkomersilkan inovasi dimana industri memerlukan inovasi yang telah melalui proses *up-scaling, market validation, certification* atau *design customization*.
  - c. Mengemukakan profil syarikat yang berminat.
- vii. Hasil output daripada geran ini ialah perjanjian pelesenan dan pengkomersilan produk.
- viii. Tatacara permohonan dan penilaian adalah seperti berikut;
  - a. Pemohon perlu mengemukakan 4 salinan borang permohonan yang lengkap ke Pejabat Pengarah, Putra Science Park
  - b. Penilaian berkaitan aspek komersil akan dijalankan oleh pihak PSP manakala penilaian aspek teknikal akan dijalankan oleh pihak RMC. Jangkaan tempoh penilaian adalah minimum 9 minggu.
  - c. Tatacara proses pelaksanaan penilaian geran adalah di Lampiran 3.
- ix. Sebarang pertanyaan berhubung permohonan geran ini berkenaan aspek komersil perlulah merujuk terus kepada pegawai bertanggungjawab di Putra Science Park UPM seperti berikut:

### **BAHAGIAN PROMOSI DAN PENGKOMERSILAN INOVASI**

Prof Madya Dr. Wan Nurhayati Wan Ab. Rahman

Timbalan Pengarah

Tel: 603-9769 1849 | [wnurhayati@upm.edu.my](mailto:wnurhayati@upm.edu.my)

Puan Norazaidah Yahaya

Penolong Pegawai Tadbir

Tel: 603-9769 2181 | [norazaidah@upm.edu.my](mailto:norazaidah@upm.edu.my)

## **5.0 SKOP PEMBIAYAAN**

### **i. Vote 11000 (Upah dan Elaun)**

#### **a) Skim Penyelidikan Siswazah Khas (SGRA) atau Skim Penyelidik Siswazah (GRA)**

- Upah dan elaun Skim Penyelidikan Siswazah Khas (SGRA) atau Skim Penyelidik Siswazah (GRA). Skim ini layak kepada pelajar siswazah warganegara Malaysia dan bukan warganegara.
- Siling upah dan elaun tidak melebihi RM1800/ sbln untuk pelajar Ph.D dan RM1500/ sbln untuk pelajar sarjana **atau mengikut garis panduan semasa Sekolah Pengajian Siswazah, UPM.**
- Pembayaran elaun Skim Penyelidikan Siswazah Khas (SGRA) atau Skim Penyelidik Siswazah (GRA) **tidak dibenarkan dibawah GP-IPS dan GP-IPM.**

#### **b) Pembantu Penyelidik (RA)**

- Upah dan elaun untuk membiayai seorang Pembantu Penyelidik (RA) hanya dibenarkan **bagi Geran Penyelidikan Pembangunan Inovasi** sahaja.
- Kadar bayaran gaji Pembantu Penyelidik adalah seperti mana berdasarkan Garis Panduan Pelantikan Penolong Penyelidik, Pembantu Penyelidik (Pentadbiran Penyelidikan) dan Siswazah Penyelidik UPM berkuatkuasa 1 September 2015 yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat TNCPI <https://tncpi.upm.edu.my/faildokumen> (rujuk dokumen No. 5).

### **ii. Vote 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)**

- a) Termasuk perjalanan dan pengangkutan bagi menghadiri konferensi/ seminar/ bengkel/ lawatan ke luar negara.
- b) Bagi perjalanan menghadiri seminar / konferensi adalah dihadkan kepada 10% bagi GPB dan GP-IPM manakala bagi GP-IPB adalah tidak melebihi 20% daripada keseluruhan geran. Perjalanan untuk menghadiri seminar / konferensi menggunakan peruntukan GP-IPS dan Geran Penyelidikan Pembangunan Inovasi adalah tidak dibenarkan.

- c) Bagi Geran Penyelidikan Pembangunan Inovasi, peruntukan boleh digunakan untuk perjalanan dan pengangkutan bagi tujuan teknikal sahaja (fabrikasi, analisis, ujian lapangan dan lain-lain yang berkaitan dengan pembangunan produk atau aplikasi sahaja).
- d) Bagi GP-IPS, hanya perbelanjaan untuk pengumpulan data dan kerja lapangan di Malaysia sahaja dibenarkan di bawah vot ini.
- e) Perjalanan untuk menghadiri **seminar / konferensi luar negara** hanya dibenarkan kepada projek yang tempoh pelaksanaannya **telah mencapai 6 bulan DAN sekali sahaja** sepanjang tempoh projek.
- f) Penggunaan peruntukan Geran Putra bagi menghadiri persidangan ke luar negara hanya dibenarkan untuk **pembentangan kertas kerja penuh secara lisan sahaja** yang akan menerbitkan artikel penuh **terindeks SCOPUS dan WoS sahaja**.

iii. **Vote 24000 (Sewaan)**

- a) Sewaan hanya dibenarkan untuk ruang, bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Sewa pengangkutan mestilah dibuat dengan syarikat pengangkutan berlesen.
- b) Bagi GP-IPS, sewaan kenderaan adalah dibenarkan untuk tujuan kerja lapangan sahaja.

iv. **Vote 26000 (Bekalan bahan penyelidikan)**

- a) Bekalan bahan penyelidikan serta bekalan bahan mentah (termasuk peralatan kecil/inventori di bawah nilai RM3,000. Pembelian peralatan kecil/aset ini tertakluk kepada Prosedur Bendahari).
- b) Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan dan diluluskan dalam proposal muktamad sahaja boleh dibuat. Rujuk klausula 8.0 (ii)(a) untuk senarai pembelian yang tidak dibenarkan.

v. **Vote 28000 (Baik pulih kecil dan ubahsua)**

- a) Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

vi. **Vote 29000 (Perkhidmatan)**

- a) Perkhidmatan ikhtisas termasuk percetakan, insurans, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan professional (**hanya sekali untuk jemputan pakar luar Negara**), konsultansi, penggunaan komputer, analisis sampel, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan

projek penyelidikan. Penyertaan pameran dan ekspo penyelidikan secara amnya adalah tidak digalakkan, dan kelulusan adalah tertakluk kepada kelulusan semasa Pejabat TNCPI.

b) Perkhidmatan khas / Belanja pakai-habis:

- Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek untuk mempelajari teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah di antara 3 minggu hingga 3 bulan. Jumlah perbelanjaan menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek ini mestilah tidak melebihi 10% dari peruntukan geran.
- c) Bayaran one-off upahan kepada enumerator / memberikan perkhidmatan khas dengan tempoh maksimum adalah dibenarkan. Syarat lantikan dan kadar gaji enumerator adalah seperti mana Garis Panduan Pengambilan Enumerator berkuatkuasa 1 Januari 2020 yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat TNCPI <https://tncpi.upm.edu.my/faildokumen> (rujuk dokumen No. 11).
- d) Pembayaran yuran menghadiri konferensi / seminar di dalam atau luar negara adalah dibenarkan termasuk untuk GP-IPS. Bagi GP-IPS bayaran yuran untuk penyertaan penyelia adalah dibenarkan dengan syarat pelajar geran GP-IPS turut mendaftar sebagai peserta.
- e) Kebenaran menghadiri **penyertaan / pembentangan konferensi secara fizikal atau maya** adalah tertakluk kepada pengesahan dan semakan RMC. Persidangan yang dibenarkan perlu dianjurkan oleh institusi pengajian tinggi / badan professional / persatuan professional berdaftar. Tajuk pembentangan mestilah berkaitan langsung dengan tajuk projek.
- f) **Pembentangan yuran penerbitan dan khidmat suntingan** bagi artikel yang berstatus “Accepted” sahaja (dengan tajuk artikel adalah berkaitan projek). Kelayakan adalah mengikut jenis geran dan bidang penyelidikan seperti berikut;

Ranking of Journal	Had Kelayakan
Top 10%	Terhad kepada <b>RM10,000 sahaja</b>
Q1 (10-25%)	Terhad kepada <b>RM8,000 sahaja</b>
Q2	Terhad kepada <b>RM6,000 sahaja</b>
Q3	Terhad kepada <b>RM4,000 sahaja</b>
Q4	Terhad kepada <b>RM2,000 sahaja</b>
Scopus	<p>Terhad kepada <b>RM1,000</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Hanya terpakai kepada SPE, FPP, FEM, FBMK, FRSB, UPMKB (FKPS, FSPP) dan bagi PTJ lain; Pegawai Akademik / Felo Penyelidik / Pegawai Penyelidik dalam bidang Sains Sosial sahaja.</li><li>• Pegawai Akademik (pensyarah kanan / pensyarah) yang dilantik dalam tempoh lima tahun dari tarikh penghantaran artikel.</li></ul>

- g) Bayaran suntingan hanya dibenarkan jika keputusan daripada pengarang jurnal menyatakan "minor/major revisions" dan ada keperluan untuk memperbaiki mutu dari aspek penulisan gaya bahasa seperti "**English proofreading is required**".
- h) Penyelidik perlu mempertimbangkan perkara berikut dalam mendapatkan khidmat suntingan;
- o Menggunakan khidmat suntingan yang bertauliah dan diiktiraf dalam erti kata lain bukan perkhidmatan persendirian;
  - o Memilih perkhidmatan yang berkualiti dan mencapai standard penerbitan seperti *Enago Academy*, dimana pihak tersebut masih menawarkan kadar caj diskaun atas nama UPM (selagi MoU masih berstatus aktif);
  - o Menggunakan perkhidmatan Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa (CALC) UPM.
- i) Penyelidik perlu pastikan untuk tidak menerbitkan artikel dalam jurnal ilmiah yang dikategorikan sebagai jurnal palsu atau *predatory journal*.

vii. **Vote 35000 (Aksesori dan Peralatan kecil)**

- a) Semua jenis geran termasuk GP-IPS adalah dibenarkan untuk membuat pembelian aset dan aksesori penyelidikan.
- b) Hanya pembelian aset, peralatan dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan. Permohonan perlu disertakan dengan senarai alat dan justifikasi kepada keperluan alatan berkenan. Jumlah yang dipohon mestilah **tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran**.
- c) Penyelidik perlu mengemukakan justifikasi serta sebut harga pembelian.
- d) Pembelian item menarik adalah tidak dibenarkan. Item menarik adalah **aset atau inventori yang berisiko tinggi bagi tujuan kegunaan peribadi, terdedah kepada kecurian dan bernilai tinggi untuk dijual semula. Contohnya kamera, tablet, telefon pintar, TV, perakam suara, dll.**
- e) Pembelian peralatan ICT, software dan perkakasan audio visual perlu dinyatakan dengan jelas dan terperinci berserta justifikasi kukuh keperluan / kepentingan pembelian peralatan berkenaan di dalam kertas cadangan penyelidikan yang dikemukakan. Perolehan ICT adalah tertakluk kepada kelulusan penaja dan Jawatankuasa ICT, UPM.
- f) Penyelidik wajib menyenaraikan aset yang diperolehi melalui geran penyelidikan kepada PTJ masing-masing. Setiap peralatan aset dan inventori akan direkodkan dalam Sistem Pengurusan Aset Tetap (FAMS) UPM.

- g) Penyelidik juga perlu merujuk kepada garis panduan Pengurusan Kewangan Aktiviti Penyelidikan yang dikeluarkan oleh Bendahari UPM untuk segala urusan kewangan yang berkaitan dengan peruntukan yang diluluskan.

## 6.0 TATACARA PERMOHONAN GERAN

- i. Permohonan dibuka sepanjang tahun tertakluk kepada kedudukan kewangan dan peruntukan yang sedia ada. Pihak Universiti akan memaklumkan tarikh-tarikh penilaian sebanyak 4 kali setahun kepada PTJ melalui Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) atau Pengarah Institut.
- ii. Penyelidik hanya boleh mengemukakan 1 permohonan sahaja pada sesuatu masa (kecuali GP-IPS).
- iii. Pemohon perlu mengisi borang Borang Permohonan Geran Universiti Putra Malaysia.
- iv. Tempoh penyelidikan adalah tidak melebihi dua tahun, kecuali bagi pelajar pasca siswazah, di mana tempoh program pengajiannya adalah digunakan.
- v. Tiga (3) salinan dokumen permohonan diperlukan bagi setiap permohonan yang perlu dihantar ke RMC melalui Pejabat Timbalan Dekan / Pengarah PTJ masing-masing.
- vi. **Bagi penyelidik yang sudah mempunyai Geran Penyelidikan Universiti pada fasa yang terdahulu, permohonan baru akan dipertimbangkan dengan syarat;**
  - Menghantar Laporan Akhir Penyelidikan (LAP) dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat projek;
  - Mengemukakan bukti pencapaian output penerbitan dan pelajar siswazah seperti yang disyaratkan dan dipersetujui.
  - Laporan Akhir Projek (LAP) telah dipersetujui oleh Panel Penilai Pemantauan Geran Putra.
- vii. Pemohon (ketua projek) dan ahli-ahli projek hendaklah mengemukakan C.V. masing-masing bagi permohonan di bawah Geran Putra Inisiatif Putra Berkumpulan (GP-IPB). Manakala permohonan bagi inisiatif yang lain, penghantaran C.V. adalah disyaratkan kepada Penyelidik Utama sahaja. Maklumat mengenai hasil penerbitan hendaklah dalam tempoh 5 tahun ke belakang sahaja. Format C.V. hendaklah mengikut format yang disediakan oleh pihak RMC.

## 7.0 PENILAIAN PERMOHONAN

- i. **Kriteria penilaian**
  - a) Keutamaan diberikan kepada projek berimpak tinggi yang menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti.
  - b) Keutamaan juga diberi kepada;
    - Cadangan penyelidikan yang kompetitif atau

- Projek penyelidikan / prototaip yang merupakan *niche* UPM serta projek-projek strategik negara (*national interest*) yang mampu membangun sesuatu industri bagi kepentingan negara; atau
- Penyelidikan / prototaip yang merangkumi isu-isu dan memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan / sains sosial bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan sejagat; atau
- Penyelidikan yang akan dapat menambahbaik sesuatu polisi dan metodologi penyelesaian yang sedia ada.

## ii. **Proses penilaian**

- a) Permohonan Geran Universiti Putra Malaysia akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Permohonan Penyelidikan yang akan ditetapkan oleh RMC.
- b) Bagi permohonan GP-IPB dan Geran Penyelidikan Pembangunan Inovasi, penilaian adalah secara saringan awal diikuti dengan pembentangan kepada Jawatankuasa Penilaian bagi permohonan yang terpilih.
- c) Tatacara proses pelaksanaan penilaian adalah seperti di Lampiran 1, 2 dan 3.
- d) Hanya 1 projek sahaja bagi setiap pemohon akan diluluskan pada satu-satu masa.



## **8.0 TADBIR URUS PROJEK PENYELIDIKAN**

### i. **Pelaksanaan Projek**

- a) Penyelidik perlu:
  - i. mematuhi jadual pencapaian (*milestones*) dan peratus perbelanjaan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan geran ditarik balik.
  - ii. mematuhi jadual penghantaran laporan kemajuan. Kegagalan untuk menghantar laporan sebanyak dua kali berturut-turut akan menyebabkan geran ditarik balik.
- b) Permohonan lanjutan projek tidak akan dipertimbangkan sekiranya justifikasi pelanjutan tempoh adalah seperti berikut:
  - i. Penyediaan laporan akhir;
  - ii. Penerbitan buku dan lain-lain jenis penerbitan;
  - iii. Menghadiri persidangan (dalam dan luar negara);
  - iv. Membayar gaji Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA);
  - v. Membuat perolehan aset;
  - vi. Mbelanjakan baki peruntukan penyelidikan; atau
  - vii. Sebab-sebab lain dengan justifikasi yang tidak kukuh dan tidak jelas.

- c) Ketua projek hilang kelayakan untuk mengetuai projek sekiranya cuti melebihi 6 bulan sama ada cuti sabatikal, cuti sub-kepakanan, cuti tanpa gaji dan cuti sakit.

## ii. Perbelanjaan Projek

- a) Ketua Projek tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi pembelian dan penggunaan peruntukan **yang tidak berkaitan secara langsung** dengan projek penyelidikan seperti berikut:



- i. Pembelian alatulis (kertas, toner, dll) yang tiada dalam proposal diluluskan.
- ii. Peralatan komunikasi;
- iii. Langganan sebarang bentuk perkhidmatan internet;
- iv. Peralatan dan aksesori pejabat;
- v. Pembelian mesin pencetak;
- vi. Pembelian komputer;
- vii. Peralatan storan;
- viii. Pembelian bahan rujukan;
- ix. Pembayaran sewaan fasiliti di institusi masing-masing;
- x. Membayar sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas;
- xi. Pembayaran pemfailan harta intelek (kecuali geran GPPI);
- xii. Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran; dan
- xiii. Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

- b) Kegagalan penyelidik mencapai status perbelanjaan seiring dengan tempoh pelaksanaan boleh dikenakan tindakan sekatan perbelanjaan dan penarikan semula peruntukan.
- c) Sebarang perolehan atau permohonan pembelian baharu tidak dibenarkan selepas 3 bulan dari tarikh tamat projek. Laporan Akhir berserta Laporan Output wajib dihantar ke Pusat Pengurusan Penyelidikan selewat-lewatnya 3 bulan dari tarikh tamat projek.
- d) Perbelanjaan diluar tempoh projek adalah tidak dibenarkan kecuali bagi penerbitan jurnal dan penyertaan konferensi (mesti dapat kelulusan dalam tempoh projek).

## iii. Pemantauan Projek

- a) Projek yang diluluskan hendaklah dilaksana mengikut kelulusan yang telah diberikan berpandukan tadbir urus sepertimana yang telah ditetapkan dalam Prosedur Pengurusan dan Pelaksanaan Penyelidikan yang boleh dimuat turun daripada laman web Sistem Pengurusan Kualiti UPM [http://reg.upm.edu.my/spk\\_upm/](http://reg.upm.edu.my/spk_upm/).

## **9.0 PENERBITAN, HARTA INTELEK DAN HASIL PENGKOMERSILAN**

### **i. Penerbitan**

- a) Semua penyelidik diwajibkan untuk mencapai output penyelidikan seperti yang ditetapkan dan tertakluk kepada surat tawaran dan terma perjanjian tawaran penyelidikan.
- b) Semua penyelidik diwajibkan untuk menerbitkan hasil penyelidikan samada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Penyelidik digalakkan untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berimpak tinggi.
- c) Semua hasil penerbitan mestilah meletakkan penghargaan kepada Geran Putra berserta nombor pusat kos projek berkenaan.

### **ii. Harta intelek**


- a) Hak pemilikan Harta Intelek adalah Hakmilik UPM. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. *Sila rujuk Garis Panduan Harta Intelek UPM.*

### **iii. Hasil pengkomersilan**


- a) Hasil pengkomersilan akan diagihkan mengikut polisi pengkomersilan semasa di UPM. *Sila rujuk Garis Panduan Harta Intelek UPM.*

## LAMPIRAN 1

### TATACARA PELAKSANAAN PENILAIAN GERAN PUTRA, GP-IPM, GP-IPS DAN GERAN PUTRA BERIMPAK



## TATACARA PELAKSANAAN PENILAIAN GERAN PUTRA BERKUMPULAN (GP-IPB)



## TATACARA PELAKSANAAN PENILAIAN GERAN PUTRA PEMBANGUNAN INOVASI

